

# Kebolehcapaian Global terhadap Harga Minyak Sawit Mentah

## FUPO

Niaga Hadapan Minyak Sawit Mentah USD

Didagangkan di  
Bursa Malaysia



# APA ITU FUPO?

Fupo ialah Kontrak niaga hadapan minyak sawit mentah (MSM) dalam mata wang Dolar AS (USD). Kontrak ini disenaraikan di Bursa Malaysia Derivatives Berhad dan didagangkan bersama-sama dengan Kontrak niaga hadapan Minyak Sawit Mentah (FCPO) Ringgit Malaysia.

Apabila anda membeli atau menjual Kontrak FUPO, Kontrak tersebut bersamaan dengan membeli atau menjual 25 tan metrik MSM pada harga yang dipersetujui sekarang. Setelah tamat tempoh Kontrak tersebut, FUPO diselesaikan secara tunai, iaitu diselesaikan mengikut Harga Penyelesaian Terakhir berdasarkan harga FCPO. Walau bagaimanapun, anda boleh menutup Kontrak belian (long) atau jualan (short) anda pada bila-bila masa sebelum tamat tempoh melalui dagangan imbangan.



## Ciri-ciri



### SAIZ KONTRAK

Setiap Kontrak FUPO bersamaan dengan 25 tan metrik MSM



### KAEDAH PENYELESAIAN

Kontrak diselesaikan secara pembayaran tunai yang berdasarkan Harga Penyelesaian Terakhir FCPO



### TARIKH MATANG

Hari ke-15 dalam bulan Kontrak

## Apakah Perbezaan antara FUPO dan FCPO?

Fupo ialah Kontrak dalam USD dan akan diselesaikan secara pembayaran tunai apabila tamat tempoh, iaitu pada hari perniagaan ke-15 dalam bulan Kontrak manakala FCPO ialah Kontrak dalam RM yang diselesaikan secara fizikal apabila tempoh matang. Walaupun anda boleh memilih untuk mendeposit RM untuk berdagang FUPO, anda akan terdedah kepada risiko mata wang USD berbanding dengan risiko mata wang RM ketika berdagang FUPO, disebabkan Kontrak itu disebut harga dalam USD.

## MENGAPA BERDAGANG FUPO?



### Keuntungan daripada Pasaran Komoditi Menaik atau Menurun

Kedua-dua FUPO dan FCPO menyediakan produk berstruktur kepada pelabur runcit untuk mengakses pasaran MSM. Anda boleh mengambil kedudukan menaik (bullish) atau menurun (bearish) terhadap pergerakan harga MSM dengan membeli rendah dan menjual tinggi untuk prospek penurunan, dan sebaliknya untuk prospek menaik.



### Leveraj/Penggearan

Margin Permulaan ialah kira-kira 10% hingga 13% daripada nilai keseluruhan Kontrak (harga FUPO didagangkan  $\times 25$  [saiz Kontrak]), yang membebaskan wang tunai, dan membolehkan anda melabur perbezaan atau memanfaatkan lebihan dana anda untuk tujuan lain. Margin Permulaan boleh dimasukkan dalam bentuk wang tunai USD atau RM, mata wang asing terpilih, saham yang diluluskan dan/atau surat kredit.



### Dapatkan Pendedahan Segera kepada Pasaran Komoditi

Melalui FUPO, pengurus dana global, penasihat dagangan komoditi dan peniaga proprietari adalah sebahagian daripada pasaran komoditi yang aktif.

## APAKAH KEPERLUAN MARGIN UNTUK FUPO?

Margin Permulaan minimum untuk FUPO yang dikenakan oleh pusat penjelasan disemak dari semasa ke semasa bergantung kepada turun naik pasaran. Margin Permulaan dinaikkan sebagai tindak balas terhadap turun naik harga yang lebih tinggi, dan sebaliknya. Sila rujuk Pekeliling Penjelasan untuk kadar Margin Permulaan terkini. Broker Niaga Hadapan mungkin memerlukan deposit Margin Permulaan yang lebih tinggi daripada pelanggan mereka, bergantung pada polisi pengurusan risiko mereka.



### Margin Langsung

Margin Langsung dikenakan ke atas pegangan Kontrak niaga hadapan yang tidak diringi pegangan Kontrak yang mengurangkan risiko.



### Margin Spread

Kadar margin yang lebih rendah dikenakan terhadap Kontrak niaga hadapan yang diiringi pegangan Kontrak yang mengurangkan risiko. Bagi FUPO, Margin Spread Bulan Terkini terpakai untuk pegangan spread yang merangkumi Kontrak bulan terkini, sementara Margin Spread Bulan Terdahulu untuk pegangan spread yang tidak termasuk Kontrak bulan terkini. Namun, Margin Spread Bulan Terkini tidak terpakai untuk FCPO, disebabkan bulan terkini boleh melibatkan penghantaran fizikal dan dikenakan margin secara langsung.



### Margin Imbang Antara Komoditi FUPO/FCPO

Oleh kerana FCPO dan FUPO mempunyai produk asas yang sama - iaitu MSM, pelanggan yang memegang kedudukan bertentangan kedua-dua Kontrak di bawah akaun yang sama akan menerima rebat/imbangan ke atas jumlah margin permulaan yang diperlukan.

# CONTOH DAGANGAN

Andaikan bahawa harga FUPO untuk bulan September kini didagangkan pada USD660. Anda percaya bahawa Kontrak ini akan meningkat dalam jangka pendek dan memutuskan untuk membeli 1 Kontrak FUPO September, yang bersamaan dengan 25 tan metrik MSM. Dengan andaian bahawa broker niaga hadapan anda menetapkan Margin Permulaan (satu bentuk cagaran) sebanyak USD1,450 setiap Kontrak, jumlah ini akan didebitkan dari akaun dagangan anda dan disimpan secara amanah dengan broker.

Mari kita anggap bahawa Kontrak FUPO September meningkat dengan stabil dan mencapai USD700.

Kini anda percaya bahawa Kontrak ini telah memuncak dan memutuskan untuk menutup pegangan anda. Anda kemudian akan menjual 1 Kontrak FUPO September untuk menutup Kontrak belian terkumpul anda. Margin Permulaan kemudian dikembalikan bersama dengan perbezaan nilai saham pendasar, iaitu 25 tan metrik  $\times$  (USD700 - USD660) = USD1,000.

Modal anda kini meningkat menjadi USD2,450 daripada USD1,450.

## 1 Kontrak FUPO = 25 tan metrik MSM

Dengan andaian harga FUPO September kini didagangkan pada USD660.



1 Margin Permulaan bagi setiap Kontrak = USD1,450

2 Beli 1 Kontrak FUPO September pada harga USD660

$$USD660 \times 25TM = USD16,500$$

3 Jual 1 Kontrak FUPO September pada harga USD700  
 $USD700 \times 25TM = USD17,500$

4 Jumlah keuntungan:  
 $USD17,500 - USD16,500 = USD1,000$

5 Jumlah modal:  
 $USD1,000 + USD1,450 = USD2,450$

Perhatian:

- Margin Awal perlu didepositkan dengan Broker Niaga Hadapan sebelum mula berdagang.
- Kedudukan terbuka bergantung pada mark-to-market (nilai saksama) yang mungkin memerlukan deposit margin tambahan.
- Kos transaksi telah dikecualikan dalam contoh ini.

Buka Akaun Dagangan Niaga Hadapan dengan salah satu Broker Niaga Hadapan berlesen Bursa Malaysia Derivatives untuk mula berdagang.

Sila rujuk senarai Peserta Dagangan kami di  
[www.bursamalaysia.com](http://www.bursamalaysia.com)

Untuk maklumat lanjut dan kemas kini terkini:  
Layari laman web Bursa Malaysia



**Penafian:**

Risalah ini disediakan untuk tujuan maklumat umum sahaja. Maklumat yang terkandung di dalamnya bukanlah nasihat kewangan atau perdagangan dan ia tidak mengesyorkan mana-mana produk yang dinyatakan di sini. Walaupun langkah-langkah telah diambil untuk memastikan ketepatan maklumat dalam risalah ini, Bursa Malaysia Berhad dan syarikat kumpulannya termasuk Bursa Malaysia Derivatives Berhad (“Bursa Malaysia”) tidak menjamin atau mewakili, secara nyata atau tersirat mengenai ketepatan atau kesempurnaan maklumat di dalamnya. Bursa Malaysia Derivatives dan Kumpulan Bursa Malaysia tidak menjamin atau menjamin prestasi apa-apa produk yang dirujuk dalam risalah ini.

Semua undang-undang, keperluan pengawalseliaan dan peraturan yang terpakai, termasuk Peraturan semasa Bursa Malaysia Derivatives dan Peraturan Bursa Derivatives Clearing hendaklah dirujuk selaras dengan risalah ini. Bursa Malaysia Derivatives dan Kumpulan Bursa Malaysia tidak menerima apa-apa liabiliti untuk mana-mana keputusan kewangan atau perdagangan yang dibuat atas dasar maklumat ini. Anda dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat bebas sebelum membuat keputusan kewangan, pelaburan atau perdagangan.

**BURSA MALAYSIA BERHAD**  
197601004668 (30632-P)  
Exchange Square, Bukit Kewangan,  
50200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: +(603) 2034 7000  
Faks: +(603) 2026 3584  
Emel: [futures@bursamalaysia.com](mailto:futures@bursamalaysia.com)